

# 3 pegawai Imigresen ditahan SPRM

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga pegawai Jabatan Imigresen bagi membantu siasatan selepas disyaki menerima suapan bagi mempercepat proses pengeluaran pas kepada warga asing untuk kembali ke negara asal tanpa melalui Sistem Temujanji Online (STO).

Perintah tahanan reman selama lima hari sehingga 14 September itu dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Menurut sumber, ketiga-tiga pegawai Imigresen yang berusia antara 33 tahun hingga 35 tahun itu ditahan antara pukul 12 tengah hari hingga 5.50 petang di Pejabat SPRM Putrajaya kelma-

rin ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, kegiatan tersebut dipercayai beroperasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Kata beliau, pegawai Imigresen terbabit dikatakan berurusan dengan orang tengah bagi menguruskan pengeluaran pas bagi warga asing yang tinggal melebihi tempoh di negara ini untuk kembali ke negara asal mereka.

“Sebagai balasan, pegawai-pegawai Imigresen berkeenaan dikatakan mengambil suapan antara RM300 hingga RM500 bagi setiap pas yang telah dikeluarkan tanpa melalui STO,” katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Putrajaya, Hasbilah Mohamad Salleh berkata, suspek disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 dan Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.



**DUA daripada tiga pegawai Jabatan Imigresen dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk mendapatkan perintah reman, semalam.- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**